


Kepimpinan raja berjaya pengaruhi generasi belia



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menyaksikan Pameran Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat menghadiri Forum Perdana Majlis Ilmu 2017 yang

berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim

dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengurus-pengurus Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2017 serta Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, selaku Penasihat Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2017.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud yang antara lain menyembahkan bahawa Majlis Ilmu tahun ini dikendalikan secara bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, JPM serta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

"Disembahkan, bagi tahun 2017 ini, Ahli-ahli Jawatankuasa Forum Perdana telah berkongsi buah fikiran dan bersatu memilih tema forum ; 'Mendukung Kepimpinan Raja'. Manakala tajuk perbincangan forum akan mengupas serta memfokuskan mengenai 'Belia Aset Negara Pendukung Kepimpinan Raja', jelas Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti.

Mendukung Kepimpinan Raja tambahnya, merupakan satu tema yang mengajak kita, selaku rakyat serta penduduk yang



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berangkat menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2017.

bermaston di negara ini untuk menyokong dan membantu dalam apa juga tindak tanduk yang mendorong kita selaku hamba Allah Subhanahu Wata'ala, agar lebih dekat dengan pencipta. Selaku rakyat dan penduduk agar lebih kasih dan sayang kepada raja dengan penuh rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi, menyokong dan membantu bagi menguatkan keazaman agar negara sentiasa dalam rahmat dan kurnia-Nya juga berkat pemimpin raja yang dikasihi dan disayangi.

Forum terangnya, juga akan mengupas bentuk sumbangan yang dapat dihulur dalam mendukung kepimpinan raja di samping forum juga akan melihat bagaimana kepimpinan raja telah berjaya membentuk serta mempengaruhi generasi belia pada masa dahulu, kini dan akan datang.

Majlis kemudiannya, diikuti dengan Sesi Forum Perdana yang dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad dan empat Ahli Panel iaitu Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia, Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri; Timbalan Rektor Universiti



SESI Forum Perdana dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad (tengah).



ANTARA yang hadir pada Forum Perdana Majlis Ilmu 2017.

Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Pensyarah Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education (SHBIE), Pengiran Dr. Hajah Nur-Ashikin binti Pengiran Haji Petra dan Pembantu Penolong Pensyarah di Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOASCIS), Pengasas Bersamaal-Minhaaj Centre, Daie' Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Hilman bin Haji Salim.

Selbelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menyaksikan dua buah pameran berasingan, iaitu Pameran Majlis Ilmu 2017 dan Pameran Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Majlis Ilmu 2017 merupakan salah satu acara keraian sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-71 Tahun, dengan tema 'Mensyukuri Kepimpinan Terutama Perkhidmatan Ugama Sepanjang 50 Tahun Pemerintahan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam'.